



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) 1984
DR.37/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1983 dan 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) 1984.

Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh dua juta enam ratus enam ribu satu ratus enam puluh ringgit (\$22,606,160) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1983 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1983 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1983 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1983 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) 1984.

Perbelanjaan Tambahan bagi tahun 1983.

Akta A544.

Akta A586.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

24 32
RANG UNDAH-UNDAH

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1984.

Akta A572.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada satu ribu satu ratus lima puluh enam juta tiga puluh lapan ribu dua ratus lapan puluh lima ringgit (\$1,156,038,285) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1984, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1984 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1984.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA
 (Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 26 ...	Kementerian Pertahanan ...	\$21,921,300
B. 41 ...	Jabatan Penjara ...	611,860
B. 45 ...	Kementerian Penerangan ...	73,000
	JUMLAH ...	\$22,606,160

JADUAL KEDUA
 (Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 1 ...	Parlimen ...	\$ 580,000
B. 2 ...	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja ...	171,175
B. 7 ...	Jabatan Perdana Menteri ...	41,978,300
B. 19 ...	Kementerian Wilayah Persekutuan ...	3,087,208
B. 21 ...	Kementerian Pertanian ...	716,820
B. 22 ...	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ...	3,359,636
B. 26 ...	Jabatan Perpustakaan Negara ...	88,447
B. 28 ...	Kementerian Pelajaran ...	5,000,000
B. 29 ...	Kementerian Luar Negeri ...	23,448,000
B. 32 ...	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun ...	1,011,600,000
B. 33 ...	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ...	676,500

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 36 ...	Kementerian Kesihatan	\$ 25,000,000
B. 37 ...	Kementerian Dalam Negeri ...	1,442,192
B. 38 ...	Polis Diraja Malaysia	11,422,000
B. 41 ...	Jabatan Pendaftaran Negara ...	956,800
B. 52 ...	Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca ...	5,281,052
B. 55 ...	Jabatan Laut—Sarawak dan Sabah	1,222,200
B. 57 ...	Jabatan Penerbangan Awam— Sarawak dan Sabah	574,456
B. 58 ...	Jabatan Pengangkutan Jalan ...	5,789,200
B. 62 ...	Kementerian Kebajikan Masyarakat	163,910
B. 63 ...	Kementerian Kerjaraya	12,280,189
B. 64 ...	Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah	1,200,200
JUMLAH ...		<u>\$1,156,038,285</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1983 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1983, melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1983 dan 1984, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1983 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) 1984 dan Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1984 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1984 dan untuk mengadakan peruntukan bagi menggantikan pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan. [PN. (U²) 1306.]